

## **BAB KEENAM**

### **RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

#### **6.0 PENDAHULUAN**

Pengkaji membahagikan bab keenam ini kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah rumusan daripada kelima-lima bab yang telah dikemukakan sebelum ini. Bahagian kedua pula merupakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji untuk membantu mempertingkatkan perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Universiti Malaysia Sabah khasnya dan di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia amnya. Manakala bahagian ketiga pula adalah penutup bagi tesis pengkaji.

#### **6.1 RUMUSAN**

Di sini dimuatkan beberapa rumusan yang dapat disenaraikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam usaha menghasilkan “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar UMS” serta menilai keberkesanan modul dalam pembelajaran bahasa Arab. Rumusan tersebut adalah seperti berikut;

1. Pengkaji telah memberikan gambaran yang jelas tentang penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Secara keseluruhannya ia boleh didapati dalam bab pertama yang merupakan pintu gerbang kepada kajian penulis.

2. Kaedah-kaedah penyediaan modul telah dikenal pasti secara terperinci seperti dalam huraian bab kedua iaitu; objektif, kandungan modul, kaedah pengajaran dan penilaian.
3. Pengkaji seterusnya telah mengedarkan soal selidik pertama kepada 100 orang responden yang mempelajari bahasa Arab di UMS yang terdiri dari pelbagai bidang, bangsa dan agama yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Soal selidik ini dikemukakan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas responden tentang keperluan penyediaan modul serta keadaan pembelajaran mereka. Hasil kajian mendapati 100% responden inginkan sebuah modul asas bahasa Arab yang lebih sesuai dengan tahap penguasaan mereka. Hal ini menjadi sokongan kuat kepada pengkaji untuk berusaha menghasilkan sebuah modul asas bahasa Arab yang sesuai untuk mereka. Dengan demikian, objektif yang digariskan oleh pengkaji untuk mencipta modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS dapat dicapai.
4. Modul pengkaji mempunyai keistimewaan tersendiri antaranya ialah modul ini dicipta khusus untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab yang terdiri dari pelbagai jurusan, etnik dan agama. Tiga unit pertama dalam modul ini dikhususkan untuk pengenalan huruf tunggal dan bersambung, kaedah penulisan serta sistem baris dan sebutan. Selepas itu, barulah diperkenalkan kosa kata Arab, asas sintaksis, maklumat pelbagai, kata-kata hikmah dan perumpamaan serta kemahiran-kemahiran bahasa yang terkandung dalam latihan-latihan. Glosari disediakan di akhir modul sebagai rujukan pelajar. Pengkaji menggunakan pendekatan terjemahan dan

transliterasi dalam modul ini seperti yang telah dijelaskan dalam bab empat. Ia bertujuan untuk membantu pelajar mempelajari asas bahasa Arab dengan lebih mudah dan lebih berkesan.

5. Pemilihan kandungan modul adalah berdasarkan keperluan pelajar-pelajar dan berdasarkan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab serta bersesuaian dengan persekitaran dan situasi semasa bermula dari perkara yang paling asas lagi seperti mengenal huruf Arab dan sebagainya. Ia bertujuan untuk membolehkan pelajar-pelajar mengikuti pembelajaran bahasa Arab dengan lebih baik dan sempurna serta meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab.
6. Pengkaji merasakan modul yang disediakan ini penting untuk membolehkan pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dan yang terdiri dari pelbagai jurusan, etnik dan agama dapat mengikuti dan mempelajari bahasa Arab dengan lebih baik.
7. Pemilihan tajuk modul "MABAUPUMS" adalah berdasarkan kepada kesesuaian modul ini dengan pelajar-pelajar UMS yang memilih kursus bahasa Arab sebagai kursus elektif yang diwajibkan lulus dalam kursus tersebut. Ia juga bersesuaian dengan tahap pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dan terdiri dari pelbagai aliran, bangsa dan agama dengan tujuan untuk memperkembangkan kemahiran bahasa.
8. Empat asas kemahiran bahasa yang ditekankan dalam modul pengkaji ialah

kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran-kemahiran ini dapat dilihat melalui kandungan modul dan bentuk-bentuk arahan yang terkandung dalam latihan-latihan yang disediakan. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menerusi kaedah komunikasi, urutan keempat-empat kemahiran ini tidak menjadi keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran, akan tetapi ia mengikut keperluan tajuk pelajaran yang dipelajari serta tahap penguasaan pelajar.

9. Penggunaan beberapa pendekatan dalam penyediaan modul ini dijangka dapat menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab di samping dapat meningkatkan penguasaannya, seperti penggunaan pendekatan transliterasi, penggunaan terjemahan dan penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut tahap penguasaan pelajar.
10. Penggunaan kaedah transliterasi dalam modul pengkaji adalah mengikut kaedah sebutan berdasarkan Gaya Dewan 2005. (Rujuk Gaya Dewan Edisi Ketiga 2005: 144). Ia bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab seperti pelajar-pelajar bukan Islam, supaya dapat mempelajari kemahiran menulis dan menyebut perkataan dan ayat Arab dengan mudah dan baik.
11. Penyediaan terjemahan dalam bahasa Melayu bagi setiap teks yang dipelajari dalam modul pengkaji adalah bertujuan untuk memudahkan pelajar-pelajar memahami teks yang dipelajari serta dapat mengelakkan guru menterjemahkan setiap perkataan yang terdapat dalam modul yang boleh melambatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar-pelajar juga dapat mengulangkaji sendiri dan memahami pelajaran sebelum

proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Hal ini akan dapat menambahkan lagi minat pelajar-pelajar mempelajari bahasa Arab tanpa sebarang halangan dan tekanan.

12. Untuk menilai keberkesanan modul pengkaji “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar UMS” (MABAUPUMS), pengkaji telah mengaplikasikannya kepada pelajar-pelajar UMS dalam masa satu semester. Pelajar-pelajar diminta memberikan penilaian terhadap modul ini melalui soal selidik kedua yang diedarkan kepada mereka. Hasil kajian mendapati majoriti responden menilai kandungan modul pengkaji adalah sederhana mudah dan mudah diikuti. Di samping itu berkaitan dengan kesesuaian kandungan modul dengan keperluan pelajar, hasil kajian mendapati majoriti besar pelajar iaitu 98.6% bersetuju dengan kesesuaian modul dengan keperluan mereka. Manakala berkaitan penggunaan beberapa pendekatan seperti penggunaan transliterasi, penyediaan terjemahan dan penyediaan kamus di akhir modul untuk membantu pelajar mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan lebih berkesan, hasil kajian mendapati majoriti responden iaitu 98.6% bersetuju dengan penggunaan transliterasi dan 100% responden bersetuju dengan penyediaan terjemahan dan penyediaan kamus di akhir modul. Di samping itu, dalam kajian berkaitan keberkesanan modul, majoriti besar responden menyatakan bahawa modul pengkaji memberikan kesan dalam membantu pelajar mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan berkesan. Ini menunjukkan objektif yang digariskan oleh pengkaji untuk mengenal pasti modul pembelajaran bahasa Arab peringkat asas dengan lebih mudah dan berkesan, dapat dilihat melalui modul yang disediakan oleh pengkaji dan *al-hamdulillah* objektif tersebut dikira telah tercapai.

13. Responden juga telah menyatakan tahap penguasaan mereka dalam empat asas kemahiran bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis setelah mengikuti modul

pengkaji. Hasil kajian mendapati Majoriti responden menyatakan sederhana dan baik khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis. Manakala dalam kemahiran mendengar dan bertutur, kebanyakan responden menyatakan penguasaan mereka adalah sederhana dan lemah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua kemahiran di atas adalah susah dikuasai oleh pelajar, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tidak mempunyai asas langsung bahasa Arab, kerana bahasa yang didengar dan ditutur adalah asing bagi mereka. Namun demikian, dalam kajian berkaitan kelebihan modul pengkaji, majoriti responden (77.1%) menyatakan modul pengkaji mengandungi empat asas kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu, sebanyak 88.6% responden menyatakan modul pengkaji dapat membantu pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Manakala dalam kajian berkaitan keberkesanan modul terhadap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab, hasil kajian mendapati 97.1% responden menyatakan bahawa modul ini dapat memberikan kesan kepada penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Hasil kajian ini menunjukkan objektif modul pengkaji untuk membantu pelajar agar lebih berpeluang menguasai kemahiran asas bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dikira telah tercapai.

14. Hasil kajian juga mendapati situasi pembelajaran bahasa Arab amat menggalakkan dan bertambah baik menerusi penggunaan "MABAUPUMS". Pelajar-pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih baik dan lebih berkesan. Majoriti pelajar dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab menerusi penggunaan modul yang disediakan oleh pengkaji.

15. Hasil kajian juga mendapati agama dan kaum bukanlah faktor penghalang untuk mempelajari bahasa Arab. Terdapat ramai dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam mengikuti pembelajaran bahasa Arab di UMS terdiri dari kalangan mereka yang bukan beragama Islam serta berlainan bangsa dan budaya. Mereka mempelajari bahasa Arab untuk pelbagai tujuan antaranya ialah untuk mempelbagaikan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran bahasa.
16. Berdasarkan kajian yang dijalankan berkaitan keberkesanan dan keupayaan modul pengkaji secara keseluruhannya, majoriti besar pelajar bersetuju dengan Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar UMS yang disediakan oleh pengkaji dalam pembelajaran, kerana ia dapat memberikan kesan dan berupaya dalam pembelajaran bahasa Arab. Respon daripada pelajar-pelajar ini menjadi dorongan dan kekuatan kepada pengkaji untuk menjadikan modul rintis ini sebagai panduan kepada penyediaan modul-modul lain yang bakal dihasilkan untuk pelajar-pelajar UMS.
17. Namun begitu pengkaji sentiasa bersedia menerima sebarang teguran demi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam modul bagi memperkemaskan dan memantapkan lagi modul yang disediakan untuk dimanfaatkan oleh pelajar.

## **6.2 CADANGAN**

Berdasarkan kepada hasil kajian dan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji berkaitan “Penyediaan dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar

Universiti Malaysia Sabah” maka dikemukakan beberapa cadangan yang boleh dikira sebagai panduan khusus dalam proses penyediaan dan penilaian modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab peringkat asas. Cadangan ini dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan dengan tujuan untuk memperkukuh dan memperkasa sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya di IPTA.

### **6.2.1 CADANGAN UNTUK PENYEDIAAN MODUL ASAS BAHASA ARAB**

Sesebuah modul pengajaran bahasa Arab hendaklah melalui proses penyelidikan dan kajian terlebih dahulu sebelum modul tersebut disusun dan ditulis. Setiap langkah yang diambil perlu mengambil kira objektif penyediaan modul dan hendaklah dilaksanakan dengan penuh sistematik bagi mewujudkan sebuah modul yang baik dan berkualiti.

Berikut dikemukakan beberapa cadangan yang difikirkan dapat memberikan manfaat dan boleh dijadikan panduan kepada para pengkaji yang ingin menyusun dan menulis modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar bukan berbangsa Arab.

1. Penyediaan buku asas bahasa Arab hendaklah menepati objektif yang ditetapkan. Ia hendaklah direka khas untuk penutur bukan Arab, kerana bangsa Arab dan bukan Arab mempunyai perbezaan dari segi bahasa, budaya dan kehidupan.
2. Penyediaan buku asas bahasa Arab di Malaysia hendaklah bersesuaian dan selari dengan kehendak pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini. Setiap maklumat yang dikemukakan hendaklah berlatarbelakangkan sosio budaya umat Islam di negara ini.



3. Penyediaan modul asas bahasa Arab hendaklah mengambil kira tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Modul yang disediakan pada peringkat ini hendaklah bermula dari mengenal huruf Arab, cara menulis dan menyebut, mengenal sistem baris dan vokal Arab sebelum memperkenalkan pembelajaran bahasa Arab seterusnya.
4. Penyediaan modul asas bahasa Arab hendaklah mengambil kira latar belakang pelajar. Pelajar-pelajar yang terdiri dari pelbagai etnik dan agama yang langsung tidak mempunyai asas bahasa Arab hendaklah disediakan dalam modul tersebut kaedah tranliterasi dalam tulisan rumi untuk membantu mereka membaca dan menulis tulisan Arab dengan mudah serta dapat menggalakkan mereka mempelajari bahasa Arab. Terjemahan dalam bahasa Melayu juga harus diperkenalkan bagi mempercepatkan dan mempermudah lagi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
5. Penyediaan modul asas bahasa Arab hendaklah memuatkan tajuk-tajuk semasa dan bersesuaian dengan situasi pembelajaran. Pemilihan kosa kata berdasarkan kegunaan harian juga harus diambil kira. Penggunaan kata serapan Arab juga harus diperbanyakkan untuk mempermudah belajar mengingati dan memperbanyakkan perbendaharaan kata Arab.
6. Penyediaan modul asas bahasa Arab hendaklah mengandungi asas sintaksis Arab yang biasa digunakan dalam kegunaan harian serta mudah diikuti dan diaplikasikan sama ada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan. Pengenalan sintaksis ini akan

membiasakan pelajar menggunakan ayat yang betul dari segi nahunya.

7. Penyediaan modul asas bahasa Arab juga hendaklah mengandungi latihan-latihan yang merangkumi empat asas kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Latihan-latihan ini akan dijadikan bahan pengukuhan dan latih tubi untuk memahirkan mereka dalam mempelajari bahasa Arab.
8. Penyediaan modul asas bahasa Arab juga hendaklah mengandungi glosari atau mukjam yang disediakan di akhir setiap modul. Setiap perkataan yang terdapat dalam modul tersebut hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk dijadikan mukjam dan dijadikan rujukan pelajar untuk mengetahui makna setiap perkataan yang tidak difahami.
9. Penyediaan modul asas bahasa Arab juga seharusnya mengandungi gambar-gambar yang sesuai bagi menggambarkan sesuatu tajuk pembelajaran dan dapat menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab.
10. Penyediaan modul asas bahasa Arab juga hendaklah dapat merangsang semangat pelajar agar berminat mempelajari bahasa Arab.
11. Penyediaan modul asas bahasa Arab juga hendaklah dapat meningkatkan asas-asas kemahiran bahasa Arab pelajar.
12. Penyediaan modul asas bahasa Arab juga hendaklah menggunakan saiz tulisan yang lebih besar dan jelas untuk memudahkan pelajar mempelajari bahasa Arab. *Font* yang

dicadangkan ialah *Traditional Arabic* bersaiz 18 atau lebih besar daripada itu khususnya untuk menerangkan kaedah penulisan huruf-huruf Arab tunggal.

### **6.2.2 CADANGAN KEPADA PENULIS BUKU TEKS ASAS BAHASA ARAB**

Tidak dapat dinafikan bahawa penulis buku atau modul pelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu buku atau modul yang ditulis.

Sehubungan dengan itu, penulis buku atau modul asas bahasa Arab untuk penutur bukan Arab hendaklah mempunyai kepakaran dan kualiti tertentu dalam menghasilkan sebuah buku atau modul pelajaran yang berkualiti. Antara ciri-ciri penulis buku atau modul pelajaran yang berkualiti ialah:

1. Penulis modul asas bahasa Arab hendaklah berniat ikhlas dan jujur untuk memastikan modul yang dihasilkan berkualiti dan mencapai objektif yang digariskan.
2. Penulis modul asas bahasa Arab hendaklah mempunyai penguasaan yang tinggi dalam ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab seperti sintaksis, fonologi, morfologi, kesusteraan Arab dan sebagainya.
3. Penulis modul asas bahasa Arab juga hendaklah mempunyai kreativiti dalam menghasilkan sesuatu modul pengajaran bahasa Arab supaya lebih menarik dan diminati oleh pelajar.
4. Penulis modul asas bahasa Arab juga hendaklah mempunyai keterbukaan dalam penulisan modul dan tidak terikat serta tidak fanatik kepada sesuatu fahaman. Hal ini dapat memastikan modul yang dihasilkan benar-benar berkualiti dan bebas daripada

sebarang pengaruh fahaman yang bertentangan dengan etika penulisan modul pengajaran.

5. Penulis modul asas bahasa Arab juga hendaklah mempunyai pandangan jauh serta bijaksana dalam memastikan keperluan dan kehendak pelajar dapat diserapkan dalam penyediaan sesuatu modul.
6. Penulis modul asas bahasa Arab juga hendaklah mempunyai pengetahuan am secara menyeluruh supaya modul atau buku yang dihasilkan lebih berkualiti dan menarik.
7. Penulis modul asas bahasa Arab juga hendaklah berpandukan rujukan-rujukan yang sesuai serta pengalaman yang dimiliki semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

### **6.2.3 CADANGAN KEPADA TENAGA PENGAJAR BAHASA ARAB**

Tenaga pengajar atau guru memainkan peranan penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat dilaksanakan dengan baik dan memastikan modul atau buku yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mencapai objektifnya. Berikut adalah cadangan - cadangan kepada tenaga pengajar modul asas Bahasa Arab yang difikirkan dapat memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan:

1. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab hendaklah ikhlas dan jujur dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pengajar. Keikhlasan dan kejujuran ini dapat memastikan pengajaran yang dijalankan lebih tersusun dan berkesan.

2. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab hendaklah mempunyai pengkhususan dalam bidang yang diajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektif yang digariskan.
3. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab hendaklah mempunyai pengetahuan yang luas tentang tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab serta kedudukan pelajar yang terdiri dari pelbagai bidang aliran, etnik dan agama. Ia bertujuan untuk memastikan semua pelajar tidak mengira bangsa dan agama dapat mempelajari modul asas bahasa Arab yang digunakan dengan baik dan berkesan.
4. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga hendaklah mempunyai kemahiran dalam teknik-teknik dan kaedah pengajaran bahasa Arab khususnya ketika berhadapan dengan pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dan terdiri dari pelbagai bidang, etnik dan agama.
5. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga haruslah kreatif dalam menyediakan bahan sampingan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar lebih aktif dalam kelas. Penyediaan bahan bantu mengajar dan penggunaannya dalam pengajaran akan menjadikan pengajaran lebih menarik dan mengelakkan pelajar merasa bosan dan jemu.
6. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga disarankan menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Kursus-kursus dan seminar-seminar berkaitan dengan penggunaan ICT haruslah diikuti untuk meningkatkan lagi kemahiran menggunakan

ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

7. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga haruslah mengambil berat dan membimbing pelajar-pelajar mempelajari bahasa Arab terutamanya pelajar-pelajar yang lemah dan tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Pengajaran secara perlahan harus digunakan untuk membolehkan semua pelajar dapat mengikuti pengajaran yang disampaikan dengan baik.
8. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga haruslah menguasai dan menggunakan kaedah komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Ia bertujuan untuk membolehkan dan membiasakan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan menggunakan kosa kata-kosa kata yang dipelajari.
9. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga haruslah mewujudkan suasana Arab (*bī'ah 'arabīyah*) dalam kelas. Guru hendaklah mengelakkan penggunaan terjemahan bahasa Melayu kecuali perlu sahaja, kerana kosa kata-kosa kata yang terdapat dalam modul asas bahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan begitu juga semua perkataan yang terkandung dalam modul telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu untuk dijadikan kamus.
10. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga haruslah memberikan peluang lebih banyak kepada pelajar untuk bercakap dan berinteraksi bersama guru atau sesama mereka. Ia bertujuan untuk menghidupkan suasana pembelajaran bahasa Arab dalam kelas. Ia juga bertujuan untuk menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab dan mengelakkan rasa bosan dan jemu.

11. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga haruslah menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Arab sesama mereka di luar kelas atau ketika berjumpa dengan guru. Hal ini dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab.
12. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab juga hendaklah mengadakan pelbagai aktiviti bahasa Arab pertandingan pidato bahasa Arab, malam bahasa Arab dan seumpamanya. Dengan adanya aktiviti ini, pelajar lebih berminat mempelajari bahasa Arab dan dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa tersebut.

#### **6.2.4 CADANGAN KEPADA PELAJAR**

Pelajar juga mempunyai peranan penting dalam memastikan buku atau modul pelajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektifnya. Berikut beberapa cadangan yang difikirkan sesuai khusus untuk pelajar:

1. Pertamanya pelajar hendaklah menetapkan niat dengan baik mempelajari bahasa Arab. Pelajar juga hendaklah ikhlas mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru dan menganggapnya sebagai satu tugas dan amanah yang harus dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab.
2. Pelajar hendaklah rajin mengulang kaji pelajaran yang disampaikan oleh guru di kelas untuk meningkatkan kefahaman dan ingatan mereka terhadap sesuatu tajuk yang dipelajari.

3. Pada peringkat awal, pelajar yang tidak mempunyai asas langsung dalam bahasa Arab hendaklah menghafal huruf-huruf Arab tunggal dan mengaplikasikannya dalam tulisan. Pelajar juga hendaklah memahirkan diri dalam penulisan huruf-huruf Arab bersambung di samping memahirkan diri dalam sistem baris dan bunyi sebelum mengikuti pembelajaran seterusnya.
4. Pelajar hendaklah memperbanyakkan menghafal kosa kata Arab serta terjemahannya. Dengan adanya kosa kata Arab yang banyak, pelajar akan dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab dengan baik.
5. Pelajar juga digalakkan membaca buku-buku Arab atau artikal-artikal Arab yang mudah serta memahami maksudnya. Hal ini akan dapat meningkatkan lagi tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab.
6. Pelajar juga digalakkan mengikuti program-program bahasa Arab yang ditayangkan di televisyen atau di radio seperti program bahasa Arab yang dikendalikan oleh IKIM dan program bahasa Arab yang dikendalikan oleh RTM Sabah.
7. Pelajar juga disaran supaya mengulang kaji pelajaran yang akan dipelajari sebelum masuk kelas untuk meningkatkan lagi kefahaman pelajar. Begitu juga pelajar disarankan mengulangkaji pelajaran selepas selesai sesi pembelajaran atau kuliah.
8. Pelajar juga disaran supaya membiasakan diri bertutur dalam bahasa Arab bersama rakan-rakan dan guru. Perasaan takut melakukan kesalahan bahasa, seharusnya



dilakkan, kerana membiasakan diri bertutur dalam bahasa Arab akan dapat membetulkan setiap kesalahan yang dilakukan. Dengan adanya kesungguhan bertutur dalam bahasa Arab, akan menambah keyakinan diri untuk mendalami bahasa Arab serta dapat memperbaiki sebutan pelajar.

9. Pelajar juga disaran untuk menilai kekuatan dan kelemahan diri dalam mempelajari bahasa Arab serta berbincang dengan guru bagaimana untuk mengatasi setiap kelemahan diri supaya dapat menguasai bahasa Arab dengan baik.
10. Pelajar juga disarankan untuk mengelakkan diri dari perasaan malu dan takut berkomunikasi dalam bahasa Arab serta menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru. Perasaan malu dan takut ini akan menjadikan pelajar-pelajar lemah dan tidak dapat bersaing dengan rakan-rakan yang lain.
11. Pelajar juga disarankan agar menganjurkan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan bahasa Arab melalui kelab bahasa Arab seperti menganjurkan persembahan bahasa Arab, pertandingan pidato, syarahan, seni khat dan seumpamanya.
12. Pelajar juga disaran supaya berjumpa guru di luar kelas untuk membincangkan setiap permasalahan yang dihadapi dalam mempelajari bahasa Arab atau meminta penjelasan lanjut terhadap pelajaran yang dipelajari.
13. Setiap pelajar disaran memiliki sebuah kamus atau *mu'jam* untuk merujuk setiap perkataan yang tidak difahami atau mencari perkataan baru untuk digunakan dalam pertuturan atau penulisan.

14. Bagi pelajar-pelajar bukan beragama Islam, tujuan mempelajari bahasa Arab adalah seperti mempelajari bahasa-bahasa asing yang lain untuk membolehkan pelajar berkomunikasi menggunakan bahasa tersebut kerana bahasa adalah alat komunikasi. Di samping itu juga, untuk mengenali kebudayaan Arab.

#### **6.2.5 CADANGAN KEPADA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1. UMS hendaklah mencukupkan tenaga pengajar tetap bahasa Arab yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab untuk mengelakkan daripada mengambil tenaga pengajar sambilan atau guru bahasa sambilan untuk mengajar kursus bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS.
2. UMS disarankan memperbanyakkan bahan-bahan pengajaran bahasa Arab seperti buku-buku rujukan, alat bantu mengajar dan seumpamanya untuk meningkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
3. UMS disaran supaya menyediakan makmal multimedia atau makmal bahasa yang diprogramkan khusus dalam bahasa Arab untuk meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta dapat bersaing dengan bahasa-bahasa asing yang lain yang mempunyai makmal multimedia sendiri.
4. UMS disaran supaya menubuhkan Pusat Bahasa yang terdiri di dalamnya Jabatan-Jabatan Bahasa Asing termasuk Jabatan Bahasa Arab. Ia bertujuan untuk menaik taraf semua bahasa asing termasuk bahasa Arab. Bahasa Arab bukan lagi menjadi satu

kursus elektif, tetapi menjadi pengkhususan. Dengan ini, pelbagai ilmu bahasa Arab dapat ditawarkan dan diajar di PPIB seperti apa yang terdapat di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

5. UMS juga disaran supaya memberi peluang kepada guru-guru bahasa dan pensyarah bahasa Arab supaya mengikuti kursus-kursus pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sama ada dalam negara atau luar negara untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
6. UMS juga disaran agar mengambil tenaga pengajar daripada negara-negara Arab yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang kebudayaan serta keadaan persekitaran Malaysia. Ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran Arab di PPIB, UMS di samping meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
7. UMS juga disaran menyediakan dana untuk lawatan sambil belajar ke Timur Tengah khususnya kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab. Hal ini dapat meningkatkan lagi semangat dan motivasi pelajar mempelajari bahasa Arab di samping mereka dapat mempelajari dan mengenali suasana pembelajaran di negara Arab serta sosio budaya masyarakat Arab.
8. UMS juga disaran agar memberikan bantuan kewangan kepada setiap program bahasa Arab yang dianjurkan di UMS supaya dapat meningkatkan lagi perkembangan bahasa Arab.

9. UMS juga disaran memberikan galakan kepada pensyarah-pensyarah bahasa Arab menulis dan menyediakan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar dan modul-modul berkaitan dengan cara mudah mempelajari bahasa Arab yang boleh dipelajari oleh semua pihak.
10. UMS juga disaran agar menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk mengadakan bengkel bagi menghasilkan dan memurnikan modul-modul asas bahasa Arab bagi tahap seterusnya yang disediakan oleh pensyarah dengan dibantu oleh pakar-pakar penyediaan modul asas bahasa Arab dari IPTA lain.
11. UMS juga disaran agar menghantar wakil pelajar bahasa Arab dalam sebarang pertandingan yang dianjurkan di peringkat nasional, seperti pertandingan debat bahasa Arab, pertandingan pidato bahasa Arab, pertandingan kuiz bahasa Arab dan seumpamanya.

#### **6.2.6 CADANGAN KEPADA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

1. Menggalakkan persatuan-persatuan bahasa Arab bergiat lebih aktif untuk mengadakan aktiviti-aktiviti sama ada di dalam kampus atau di luar kampus. Hal ini dapat mewujudkan suasana persekitaran bahasa Arab dan dapat meningkatkan penguasaan bahasa tersebut.
2. Menggalakkan para pensyarah bahasa Arab menjalankan penyelidikan dan menghasilkan bahan rujukan serta bahan pengajaran untuk meningkatkan dan memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pemberian insentif seperti

dalam bentuk imbuhan, anugerah penerbitan, kenaikan pangkat dan seumpamanya dapat meningkatkan semangat dan motivasi para pensyarah menghasilkan karya yang berkualiti.

3. Semua Jabatan Bahasa Arab di IPT dan penyelaras kursus bahasa Arab bagi IPT yang tidak mempunyai Jabatan Bahasa Arab agar menjalankan kursus intensif kepada tenaga pengajar baru tentang teknik-teknik dan kaedah pengajaran menggunakan ICT. Di samping itu, tenaga pengajar lama juga harus diberi peluang dan digalakkan mengikuti kursus intensif tersebut bagi kemahiran menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
4. Memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dan rujukan bahasa Arab di perpustakaan dan di pusat sumber setiap sekolah atau fakulti.
5. Mengadakan hubungan kerjasama antara IPTA dalam semua aktiviti berkaitan bahasa Arab. Hal ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara IPTA dengan matlamat untuk meningkatkan dan mengembangkan bahasa Arab.
6. Menubuhkan jawatankuasa bersama bagi membincangkan bagaimana untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di IPTA.

### **6.2.7 CADANGAN KEPADA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (KPTM)**

1. Pengkaji mencadangkan agar sukatan pelajaran kursus bahasa Arab di semua IPTA

diselaraskan mengikut jurusan. Hal ini dapat membolehkan pelajar yang berpindah ke universiti lain dapat membawa jam kredit bahasa Arab yang telah dipelajari ke universiti baru tanpa mengulang balik kursus tersebut.

2. Memantau dengan teliti terhadap penyediaan modul atau buku teks bahasa Arab agar menepati keperluan pelajar dan mengikut sukatan yang digariskan oleh KPTM. Ini dapat memastikan kualiti buku teks dapat dijaga.
3. Pengkaji juga mencadangkan agar KPTM memastikan setiap modul yang ditulis hendaklah melalui proses penyelidikan dan modul tersebut hendaklah terlebih dahulu diaplikasikan kepada pelajar-pelajar sebelum dibukukan atau dicetak. Ia juga hendaklah bersesuaian dengan keperluan pelajar serta dapat mencapai objektif yang digariskan.
4. KPTM hendaklah meneruskan usaha-usaha untuk menambah bahan rujukan bahasa Arab yang berkualiti.
5. Pengkaji juga menyarankan agar disediakan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab agar mereka dapat mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan dapat meningkatkan motivasi mereka mempelajari bahasa Arab.
6. Pengkaji juga mencadangkan agar kursus bahasa Arab dibuka lebih luas kepada semua pelajar yang berminat mempelajari bahasa Arab termasuk yang bukan beragama Islam yang terdiri dari pelbagai budaya dan etnik. Ia bertujuan untuk

menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi antarabangsa.

### **6.2.8 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Kajian ini dilaksanakan dalam tempoh satu semester dan hanya melibatkan modul asas bahasa Arab tahap satu sahaja. Walaupun dalam masa tempoh yang agak terhad ini, namun modul pengkaji telah memberikan kesan yang memberangsangkan. Pelajar yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul ini dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam asas kemahiran bahasa Arab. Mereka juga menyatakan, bahawa modul ini sesuai untuk pembelajaran bahasa Arab bagi mereka yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab yang terdiri dari pelbagai jurusan, etnik dan agama.

Berdasarkan dapatan kajian telah membuktikan keberkesanan penggunaan modul asas bahasa Arab tahap satu ini dalam proses pembelajaran bahasa Arab, maka kajian selanjutnya adalah dicadangkan supaya dilakukan kajian dan penilaian pada modul-modul seterusnya, kerana setiap modul mempunyai siri pembelajaran. Modul yang berkualiti, adalah modul yang telah melalui proses penyelidikan dan penilaian bagi memastikan objektif yang digariskan dapat dicapai dengan sempurna.

### **6.3 PENUTUP**

Pengkaji mengakhiri penyelidikan ini dengan mengemukakan rumusan dan cadangan-cadangan yang telah ditunjukkan kepada pihak-pihak tertentu. Pengkaji mengambil masa

lebih kurang enam semester menyiapkan penyelidikan ini dengan bimbingan dan sokongan yang diberikan oleh penyelia, rakan-rakan, keluarga dan pengurusan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Saya merafakkan doa kepada Allah s.w.t. agar memberikan rahmat dan ganjaran yang tidak terhingga kepada mereka di dunia dan di akhirat.

Dengan sempurnanya tesis ini, pengkaji mengharapka ia menjadi bahan rujukan untuk penyediaan modul asas yang lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk penutur bukan Arab. Pengkaji juga mengharapka agar usaha-uasaha untuk memartabatkan bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi khasnya dan di Malaysia amnya akan terus berkembang dengan penghasilan hasil-hasil kajian yang bermutu tinggi seperti modul pengajaran bahasa Arab, bahan-bahan pengajaran dan seumpamanya. Para pensyarah bahasa Arab juga harus memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi dengan meningkatkan kaedah dan teknik pengajaran bahasa Arab agar dapat menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab dengan berkesan.

Pada era globalisasi ini, bahasa Arab bukan hanya dipelajari oleh pelajar-pelajar Islam sahaja, malah ia turut dipelajari oleh pelajar-pelajar bukan beragama Islam yang terdiri dari pelbagai etnik dan budaya. Oleh itu, perhatian harus juga diberikan kepada mereka untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi antarabangsa yang dipelajari oleh semua kaum di Malaysia.

Semoga dengan terhasilnya “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar Universiti Malaysia Sabah” akan mendorong pelajar-pelajar UMS mempelajari bahasa



Arab tanpa sebarang tekanan dan akan meningkatkan lagi penguasaan mereka terhadap bahasa tersebut.

Sebagai insan yang lemah, penulis mengalu-alukan sebarang komen dan cadangan yang membina terhadap sebarang kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam kejian ini. Sesungguhnya yang baik dan kesempurnaan itu datang dari Allah s.w.t. dan kelemahan serta kekurangan itu datang dari diri pengkaji sendiri. Pengkaji memohon kepada Allah s.w.t. agar usaha murni pengkaji menyediakan “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar Universiti Malaysia Sabah” mendapat keberkatan dan keredaanNya dengan tujuan untuk mempermudah pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab mempelajari bahasa tersebut dengan baik dan berkesan serta untuk meningkatkan minat mereka mempelajari bahasa Arab.